

Penduduk cemas sungai melimpah

BA 27/12

1,000 kembali ke dua pusat pemindahan di Skudai

Oleh Johan Afandi

JOHOR BAHRU: Kira-kira 1,000 penduduk Kampung Laut, Skudai di sini, terpaksa berpindah semula ke dua pusat pemindahan, tidak sampai 24 jam selepas dibenarkan pulang ke rumah masing-masing, Ahad lalu.

Air Sungai Skudai yang surut Sabtu lalu kembali meningkat sehingga kira-kira empat meter, menyebabkan penduduk bertempiran menyelamatkan diri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Nusajaya, Aziz Sopian, berkata dua pusat pemindahan itu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJ-KC) Pu Tze serta di Masjid Lorong Aris di Batu 8 1/2 terpaksa dibuka semula bagi menerima penduduk kampung berkenaan.

"Lebih 700 penduduk berpindah ke SJKC Pu Tze manakala kira-kira 200 mangsa ditempatkan di masjid berkenaan. Kita juga sudah menyalurkan semula bantuan makanan, selimut dan tilam kepada penduduk," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Beliau berkata, maklumat awal mendapati air Sungai Skudai kembali melimpah selepas hujan sejak tengah malam kelmarin menyebabkan ada penduduk tidak sempat me-

nyelamatkan barang berharga.

Bagaimanapun, katanya, tinjauan terakhir bersama anggota polis Marlin mendapati air sungai berkenaan mulai surut.

"Hujan juga terus berlarutan dan kita bimbang air sungai akan naik dan ia ditambah ramalan berlaku fenomena air pasang besar," katanya.

Sementara itu, seorang mangsa, Minhat Idros, 53, berkata ini kali

ketiga penduduk kampung berkenaan terpaksa berpindah semula ke pusat pemindahan banjir apabila air sungai melimpah.

"Ia berlaku dalam tempoh 10 hari... tidak tahulah berapa kerugian yang terpaksa ditanggung, rasanya lebih RM20,000 kerana semua musnah termasuk kelengkapan persekolahan lima anak saya," katanya yang bersyukur bantuan persekolahan untuk pelajar sekolah.

INFO

Ramalan cuaca di beberapa negeri untuk tiga hari

	SELANGOR	JOHOR	MELAKA	N SEMBILAN	TERENGGANU
27/12 Rabu					
28/12 Khamis					
29/12 Jumaat					